



## MANFAAT AR-RAHNU KEPADA PEMBANGUNAN USAHAWAN KECIL

### [THE BENEFITS OF AR-RAHNU TO THE DEVELOPMENT OF SMALL ENTREPRENEURSHIP]

SALIMAH YAHAYA<sup>1\*</sup>

<sup>1\*</sup> Akademik Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Terengganu, Kampus Dungun, 23000 Dungun, Terengganu, Malaysia.  
Correspondent Email: salimahyahya@uitm.edu.my

---

*Received: 15 February 2021*

*Accepted: 15 March 2021*

*Published: 31 March 2021*

---

**Abstrak:** Isu paling utama yang sering dihadapi oleh usahawan ialah kesukaran untuk mendapatkan pembiayaan modal sama ada pembiayaan secara Islam mahupun konvensional. Justeru, Ar-Rahnu boleh menjadi antara salah satu alternatif terbaik bagi usahawan terutamanya usahawan kecil untuk mendapatkan pembiayaan modal secara halal, mudah dan cepat. Oleh itu, artikel ini dilaksanakan untuk menjawab dua persoalan utama iaitu pertama, apakah isu dan cabaran sebenar yang dihadapi oleh usahawan kecil untuk mendapatkan pembiayaan modal untuk perniagaan? Kedua, apakah manfaat Ar-Rahnu kepada pembangunan usahawan? Artikel ini merupakan kajian berbentuk kualitatif dan mengguna pakai kaedah pengumpulan data sekunder yang diperoleh melalui kajian dokumen untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang berkaitan. Maklumat yang diperoleh daripada tesis, jurnal, buku, laporan penyelidikan, kertas kerja, prosiding dan laman sesawang, kemudiannya dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Secara keseluruhannya, isu dan cabaran kewangan yang dihadapi oleh usahawan kecil menjadikan Ar-Rahnu sebagai alternatif terbaik untuk menyelesaikan masalah kesukaran mendapatkan modal yang dihadapi oleh usahawan kecil. Namun begitu, penerimaan usahawan yang masih rendah terhadap Ar-Rahnu perlu dikenal pasti dan diatasi. Rentetan itu, satu kajian menyeluruh berkaitan tahap penerimaan usahawan kecil terhadap Ar-Rahnu perlu dilakukan pada masa hadapan bagi mencari jalan penyelesaian terhadap kekangan kewangan yang dihadapi.

**Kata kunci:** Ar-Rahnu, pajak gadai Islam, usahawan kecil.

**Abstract:** The main issue often encountered by entrepreneurs is the difficulty of obtaining capital financing whether Islamic or conventional financing. Therefore, Ar-Rahnu can be one of the best alternatives for entrepreneurs especially small entrepreneurs to obtain capital financing which is halal, easy and fast. This article presents two key questions along with answers to the real problems and challenges encountered by small entrepreneurs in obtaining capital financing for businesses and the importance of Ar-Rahnu towards entrepreneurial development. Secondary data collection methods were used through document surveys to obtain relevant information. Overall, the financial problems and challenges encountered by small entrepreneurs make Ar-Rahnu the best alternative to solve the difficulty in obtaining capital. However, entrepreneurial acceptance of Ar-Rahnu which is still low needs to be identified and addressed. Therefore, a comprehensive study on the acceptance level of small entrepreneurs towards Ar-Rahnu needs to be performed in the future to seek solutions to the financial constraints.

**Keywords:** Ar-Rahnu, Islamic pawnshop, small entrepreneur

**Cite This Article:**

Salimah Yahaya. 2021. Manfaat Ar-Rahnu kepada Pembangunan Usahawan Kecil [The Benefits of Ar-Rahnu to The Development of Small Entrepreneurship]. *International Journal of Contemporary Education, Religious Studies and Humanities (JCERAH)*, 1(1), 1-11.

**PENGENALAN**

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah mendefinisikan Ar-Rahnu sebagai kontrak yang menjadikan sesuatu barang atau harta sebagai cagaran untuk menjamin pelunasan sesuatu hutang (Anan C. Mohd, 2007). Ar-Rahnu menggunakan konsep ‘hutang bercagar’ iaitu suatu barang berharga (emas) dicagarkan untuk mendapatkan pinjaman bagi menjamin pembayaran semula dilakukan. Sebenarnya, kegiatan mencagarkan barangan untuk mendapatkan wang sudah diamalkan ketika zaman Rasulullah SAW lagi. Hal ini rentetan peristiwa Rasulullah SAW pernah membeli makanan daripada orang Yahudi dengan menggadaikan baju besinya kerana ingin mendapatkan sedikit makanan untuk diberikan kepada ahli keluarganya. Perkara ini dinyatakan dalam Hadis riwayat Muslim (Hadis No. 1574) yang bermaksud:

“Dari Aisyah r.a., katanya: Rasulullah SAW pernah membeli makanan dari seorang Yahudi dengan cara berhutang dalam jangka waktu tertentu. Untuk itu beliau menggadaikan baju besinya.”

Pajak gadai bukan sumber kewangan yang baru diperkenalkan, malah telah menjadi pilihan masyarakat sejak berzaman. Pajak gadai tradisional bagi masyarakat Melayu misalnya telah dipraktikkan sejak 100 tahun lepas. Pada ketika itu, pajak gadai telah menjadi begitu penting dalam mengurangkan beban kewangan dalam masyarakat (Wan Abd Rahman Khudzri Wan Abdullah, 1999).

Isu utama dan sering menjadi perbincangan negara-negara di dunia ialah isu berkaitan kemiskinan. Kebanyakan negara berlumba-lumba mencari jalan penyelesaian terhadap permasalahan ini. Salah satu kaedahnya adalah dengan menggalakkan kegiatan produktif untuk menjana pertambahan kewangan. Caranya adalah dengan menggandakan sumber kewangan yang diperoleh iaitu dengan menjalankan kegiatan keusahawanan (Md. Sohel Rana, Mohd Nazari Ismail & Izlin Ismail, 2016). Aktiviti keusahawanan juga boleh menjadi alat pembangunan yang besar untuk memerangi kemiskinan (Abubakar Sadiq & Rusmaini Tasmin, 2016). Justeru, pembiayaan pajak gadai Islam atau Ar-Rahnu boleh menjadi antara alternatif untuk menjana kewangan menerusi kegiatan keusahawanan.

Matlamat sebenar penubuhan Ar-Rahnu adalah untuk membantu golongan miskin dan berpendapatan rendah mendapatkan bantuan kewangan. Selain itu, Ar-Rahnu juga bertujuan memberikan bantuan kewangan kepada masyarakat menjalankan kegiatan keusahawanan kecil (Nur Hayati Rasmin & Ruzian Markom, 2014). Ar-Rahnu ingin membantu golongan usahawan kecil untuk mendapatkan pembiayaan modal rentetan daripada permasalahan kesukaran untuk mendapatkan modal yang sering dihadapi oleh usahawan, terutamanya usahawan kecil (Salimah Yahaya, 2017).

Justeru, artikel ini dilaksanakan untuk mengenal pasti isu dan cabaran yang dihadapi oleh usahawan kecil. Selain itu, artikel ini juga bertujuan untuk mengenal pasti manfaat Ar-Rahnu kepada pembangunan usahawan. Artikel ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif iaitu mengaplikasikan kaedah dokumen untuk mendapatkan data. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Perbincangan dalam artikel ini adalah merangkumi pengenalan, isu dan cabaran usahawan, manfaat Ar-Rahnu kepada pembangunan usahawan dan kesimpulan.

## **ISU DAN CABARAN USAHAWAN**

Isu paling utama yang sering kali dihadapi oleh usahawan ialah kesukaran untuk mendapatkan pembiayaan modal sama ada pembiayaan secara Islam mahupun konvensional (A.M. Sultana, Nurul Syafiqah Arifin & Jamil Osman Juraini, 2015). Hal yang berlaku ini ekoran daripada akta perbankan yang ketat mengenai prosedur pembiayaan (Nadiyah Nabilah Baharum, 2014), selain usahawan kecil hanya menjalankan keusahawanan dalam skala yang kecil. Kegiatan keusahawanan kecil ini merangkumi aktiviti keusahawanan secara kecil-kecilan, antaranya termasuklah gerai keropok ikan, gerai makanan, kedai jahitan, kedai kraftangan, batik, kedai runcit dan kedai pakaian. Rentetan daripada aktiviti keusahawanan dalam skala yang kecil, maka usahawan kecil tidak mendapat kepercayaan daripada institusi kewangan untuk mendapatkan bantuan kewangan kerana tiada jaminan bayaran balik (Abayomi Al-Ameen, 2016).

Selain itu, kesukaran mendapatkan pembiayaan modal juga disebabkan kelemahan perkhidmatan institusi kredit mikro. Kelemahan ini termasuklah masalah kerenah birokrasi, syarat-syarat pinjaman yang terlalu ketat, beban kadar faedah pinjaman yang tinggi, keperluan kepada cagaran yang bernilai tinggi (tanah dan rumah), keperluan kepada penjamin serta kesukaran untuk membuat pembayaran balik pinjaman lantaran kaedah pembayaran yang merumitkan (Salimah Yahaya, 2017).

Kesukaran untuk mendapatkan pembiayaan modal ini menyebabkan sesetengah usahawan kecil beralih kepada pinjaman berisiko tinggi iaitu pinjaman tidak berlesen dan pinjaman beserta dengan faedah yang tinggi seperti 'along' (Nor Fadilah Bahari, Zurina Safii, Nurul Wajhi Ahmad, Shafina Fisal & Wan Shahdila Shah Shahar, 2015). 'Along' yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah individu yang memberikan pinjaman wang secara haram serta mengenakan bunga yang sangat tinggi dan akan bertindak ganas jika pinjaman tersebut tidak dibayar pada masa yang ditetapkan (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008).

Selain isu kesukaran mendapatkan pembiayaan modal, usahawan kecil turut berdepan dengan kesukaran mendapatkan pembiayaan secara Islam, sehinggakan ramai usahawan terlibat dengan pinjaman mikro kredit daripada institusi kewangan dan perbankan konvensional yang mengamalkan riba. Pengamalan riba oleh sesetengah institusi mikro kredit jelas bertentangan dengan konsep muamalat yang dituntut dalam Islam. Kesukaran mendapatkan pembiayaan Islam juga dikaitkan dengan isu permintaan yang melebihi penawaran. Perkara ini sehubungan daripada bilangan masyarakat yang berpotensi untuk memerlukan perkhidmatan mikro kredit Islam adalah tinggi, namun penyediaannya tidak mampu menampung keperluan yang tinggi ini (Aliyu Dahiru Mohammed & Zubair Hasan, 2008). Terdapat peningkatan keperluan pengguna Islam yang miskin, sedangkan pembiayaan mikro Islam secara relatifnya

masih agak kecil penyediaannya dalam pasaran modal (Elsadig Musa Ahmed & Anwar Ammar, 2015). Keadaan ini menunjukkan penyediaan pembiayaan mikro Islam masih terhad dan tidak mampu menampung permintaan yang sedia ada. Ekoran itu, usahawan kecil wajar beralih kepada pembiayaan modal yang halal, mudah, telus dan cepat.

Oleh itu, terdapat beberapa isu dan cabaran yang dihadapi usahawan kecil iaitu kesukaran untuk mendapatkan pembiayaan modal akibat tidak mendapat kepercayaan dari institusi kewangan. Selain itu, kelemahan perkhidmatan institusi kredit mikro terutamanya apabila usahawan kecil terpaksa melalui akta perbankan yang terlalu ketat. Juga, kesukaran untuk memperoleh pembiayaan secara Islam apabila usahawan kecil terpaksa memilih institusi kewangan yang mengamalkan riba.

Isu dan cabaran ini menyebabkan mereka mula beralih kepada pembiayaan Ar-Rahnu yang turut memiliki manfaatnya yang tersendiri. Kekuatan daripada manfaat perkhidmatannya menjadikan Ar-Rahnu bukan sahaja menjadi pilihan untuk kegunaan pada waktu kesempitan wang, namun kini Ar-Rahnu telah menjadi instrumen kewangan yang penting kepada masyarakat untuk menjana pendapatan daripada modal pembiayaan yang diperoleh. Oleh demikian, usahawan kecil wajar beralih kepada pembiayaan modal Ar-Rahnu yang lebih mudah, telus dan cepat. Justeru, Ar-Rahnu berpotensi untuk terus diperkembangkan penggunaannya sebagai sumber modal bagi menjalankan kegiatan keusahawanan kecil terutamanya kepada golongan berpendapatan rendah untuk menjana pendapatan daripada sumber kewangan yang diperoleh (Nik Hadiyan Nik Azman, Mohd Zaidi Md Zabri, Salina Kassim & Nurhafiza Abdul Kader Malim, 2020).

## **MANFAAT AR-RAHNU KEPADA PEMBANGUNAN USAHAWAN**

Antara alternatif yang dicadangkan kepada usahawan kecil, dengan melibatkan pembiayaan berjangka pendek dan tempoh tertentu, Ar-Rahnu adalah antara pilihan yang terbaik dengan konsepnya yang memiliki beberapa manfaat yang tertentu.

Ar-Rahnu yang diperkenalkan di Malaysia sejak tahun 1992 telah melaksanakan pembangunan sosial menerusi konsep tolong menolong sesama manusia (Adrian Sutedi, 2011) kerana Ar-Rahnu menyediakan pembiayaan menerusi pinjaman kebajikan tanpa sebarang faedah tambahan. Antara manfaat utama Ar-Rahnu adalah akad Qard al-Hasan yang diperkenalkan dalam kontrak Ar-Rahnu. Akad Qard al-Hasan dapat memenuhi kewajipan moral kepada masyarakat dengan menolong golongan miskin yang memerlukan. Hal ini terutamanya bagi masyarakat yang memerlukan bantuan kewangan dan dana yang cepat untuk pendidikan, kesihatan dan sara hidup. Pertolongan dalam bentuk pinjaman ini juga sangat dituntut oleh Rasulullah SAW sendiri seperti yang dinyatakan dalam Hadis oleh riwayat Ibn Majah yang bermaksud;

“Daripada Ibn Mas’ud bahawasanya Rasulullah SAW telah bersabda:  
Barangsiapa yang memberi pinjaman kepada seorang Muslim sebanyak dua kali  
maka ia adalah seumpama dia memberi sedekah satu kali.”

Hadis ini menjelaskan tentang ganjaran pahala yang besar kepada orang yang menghulurkan pinjaman kepada yang memerlukan. Sebagaimana menurut Zaharuddin Abd Rahman (2008),

Islam sangat menekankan prinsip tolong menolong dan bekerjasama antara sesama manusia dalam memenuhi keperluan masing-masing. Demikian itu juga akad Qard al-Hasan ini dapat membentuk sebuah masyarakat yang penyayang dan suka tolong menolong antara satu sama lain. Pada masa yang sama dapat memenuhi tuntutan ajaran Islam yang inginkan penganutnya saling membantu dalam perkara kebaikan. Hal ini kerana dalam akad Qard al-Hasan terdapat larangan untuk institusi Ar-Rahnu mengambil sebarang caj tambahan atas perkhidmatan yang disediakan.

Allah SWT memerintahkan manusia untuk saling bantu membantu dalam melakukan perkara-perkara kebaikan serta menegah untuk saling tolong menolong dalam melakukan dosa dan kejahatan. Tolong menolong ke jalan kebaikan itu terlalu banyak, ini termasuklah membantu masyarakat yang memerlukan bantuan dari segi harta. Hal ini juga termasuklah dalam hal memudahkan urusan seseorang, maka Allah SWT juga akan memberikan kemudahan kepada hamba tersebut sama ada di dunia atau di akhirat. Perkara ini juga termasuklah tolong menolong dalam perihal yang melibatkan 'hutang' oleh orang yang berada dalam kesusahan, maka wajib ke atasnya untuk membantu. Allah SWT berfirman dalam surah al-Baqarah, ayat 280 yang bermaksud;

“Dan jika (orang berhutang itu) dalam kesulitan, maka berilah tangguh sampai dia memperoleh kelapangan. Dan jika kamu menyedekahkan, itu lebih baik bagimu, jika kamu mengetahui.”

Antara lain kebaikan Ar-Rahnu termasuklah menepati prinsip-prinsip syariah Ar-Rahnu serta menyediakan perkhidmatan pembiayaan tunai yang lebih mudah, cepat, telus, adil dan tidak merumitkan (Fathi Syakirin Hassan, Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahab, 2015). Selain menyediakan aspek pengurusan yang lebih baik dengan transaksi gadaian yang lebih mudah dan cepat (Mohd Shukri Johari, Nur Azura Sanusi & Mohamed Ishak Badarudin Rais, 2007), Ar-Rahnu juga tidak mempunyai kerenah birokrasi dan tidak mengemukakan syarat-syarat yang ketat kepada pengguna. Ar-Rahnu juga beroperasi dengan berlandaskan syariat Islam dan bebas daripada unsur riba (Syarifah Md Yusof, 2004). Ar-Rahnu juga menyediakan pembiayaan tanpa perlu mengemukakan cagaran bernilai tinggi dan tidak memerlukan penjamin (Nik Hadiyan Nik Azman, 2010).

Ar-Rahnu didapati tidak mengenakan kadar faedah kepada setiap pembiayaan yang dikeluarkan, tetapi hanya mengenakan sedikit upah simpan. Sebagai sebuah entiti perniagaan, Ar-Rahnu mengenakan sedikit upah simpan sebagai jaminan untuk penjagaan keselamatan barang gadaian selagi aset bernilai ini berada dalam simpanan institusi tersebut. Namun begitu, masih terdapat beberapa institusi antaranya, MARA, SME Bank dan CGC yang mengenakan kadar faedah kepada setiap peminjamnya (A.H. Roslan & Mohd Zaini Abd Karim, 2009). Hal ini dapat mengeluarkan masyarakat daripada jenayah along, pinjaman tak berlesen atau pajak gadai konvensional yang menindas dan menipu dalam transaksi gadaian.

Ar-Rahnu menyediakan pembiayaan tanpa perlu mengemukakan penjamin dan menerima cagaran dalam bentuk yang rendah atau tidak ketara sebagai aset utamanya iaitu emas<sup>4</sup> (barangan kemas). Keadaan ini dapat membantu mereka yang terdesak dengan memberikan pinjaman yang lebih mudah dalam urusan transaksinya (Norashikin Ibrahim, 2010). Situasi ini juga memberikan kemudahan kepada usahawan kecil yang tidak mempunyai

cagaran seperti tanah dan kesukaran mengemukakan penjamin. Menurut Siti Fatimah Muhammad (2006), bank hanya menerima cagaran yang tinggi seperti tanah dan rumah dalam mendapatkan sesuatu pinjaman, selain perlu mengemukakan jaminan daripada orang perseorangan. Mengemukakan cagaran dalam setiap urusan niaga kewangan yang berasaskan hutang adalah penting untuk memberi keadilan kepada peminjam dan pemberi pinjaman agar kedua-duanya mendapat manfaat daripada urusan niaga yang dijalankan. Penggunaan emas sebagai sandaran (cagaran) merupakan satu alternatif yang sesuai kerana emas memiliki keistimewaan yang tersendiri apabila dapat mengawal ketidakstabilan nilai mata wang. Hal ini rentetan daripada emas yang telah dikenali sebagai 'real money' yang memiliki kadar kestabilan yang lebih terjamin, selain tidak dipengaruhi oleh permintaan dan penawaran, bebas dari inflasi, riba, gharar, maysir serta unsur-unsur spekulasi yang lain (Mohd Farhan Ahmad & Mohd Adib Ismail, 2011).

Ar-Rahnu memberi manfaat kepada usahawan kecil kerana pembiayaan Ar-Rahnu tidak perlu melalui karenah birokrasi, mudah dan cepat. Pengguna hanya perlu mengemukakan barang gadaian mereka, kad pengenalan dan resit pemilikan barang gadaian. Sesuai dengan moto Ar-Rahnu iaitu menyediakan perkhidmatan yang cepat dan mudah. Menurut Rahimah Shawkataly (1993), mendapatkan pinjaman Ar-Rahnu tidak melibatkan banyak prosedur iaitu tidak mengambil masa yang lama. Hanya dalam masa 15 minit pengguna boleh mendapatkan pinjaman tunai yang diperlukan. Usahawan yang mendapatkan pinjaman kredit mikro dari institusi perbankan konvensional perlu melalui proses pinjaman yang memakan masa iaitu melebihi sebulan kerana terpaksa melalui pelbagai karenah birokrasi (Wan Zulfakkar Wan Yusof, 1998). Kebanyakan skim mikro kredit konvensional juga mengemukakan syarat-syarat yang ketat kepada usahawan yang ingin mendapatkan pinjaman (Mohamad Rashid Abu Bakar, 2008), selain perlu menyediakan dokumen-dokumen penting dan pelbagai prosedur dalam proses untuk mendapatkan pinjaman seperti yang diperlukan oleh CGC dan agensi MARA.

Ar-Rahnu bersifat adil apabila memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak sama ada penghutang dan pemberi hutang. Tidak wujud masalah hutang lapuk kerana pembiayaan Ar-Rahnu berdasarkan hutang dengan cagaran atau sandaran. Ar-Rahnu menyediakan pembiayaan yang memberi keuntungan kepada kedua-dua pihak iaitu peminjam dan juga pemberi pinjaman. Perkara ini disebabkan setiap pembiayaan yang diberikan akan disertakan dengan barang yang dicagarkan. Oleh itu, sekiranya peminjam didapati tidak membuat bayaran balik pinjaman mengikut tempoh yang ditetapkan, maka barang gadaian mereka akan dilelong. Justeru, tidak timbul isu pinjaman tidak dilunaskan dan tidak wujud masalah lambakan hutang. Keadaan inilah yang dikatakan sebagai menguntungkan kedua-dua belah pihak. Namun keadaan ini berbeza dengan skim mikro kredit lain yang sering berlaku masalah pembayaran balik hutang akibat kadar faedah yang tinggi yang ditanggung oleh peminjam dan menyebabkan berlaku masalah hutang lapuk. Menurut Lim (1999), masalah hutang lapuk menyebabkan institusi kewangan merasa bimbang untuk memberikan pinjaman mikro kerana masalah lambakan hutang lapuk menyebabkan mereka terpaksa menanggung kos pentadbiran yang tinggi.

Ar-Rahnu memberikan kelonggaran kepada pengguna mereka untuk membuat pembayaran atau menebus semula barang gadaian mereka dalam tempoh yang ditetapkan. Tempoh masa enam bulan diberikan dapat memberikan keselesaan kepada pengguna Ar-Rahnu untuk merancang kewangan peribadi mereka (Wan Noraini W. Daud, 2011). Pengguna Ar-

Rahnu juga boleh melanjutkan tempoh berhutang sekiranya tidak dapat melunaskan keseluruhan pembiayaan yang diperoleh, dengan syarat membayar upah simpanan. Namun pendekatan ini berbeza dengan pembiayaan mikro kredit seperti TEKUN dan AIM yang mewajibkan peminjam mereka membuat pembayaran balik pinjaman secara mingguan (Norhaziah Nawai & Mohd Noor Mohd Shariff, 2011). Keadaan ini menyebabkan peminjam tidak mempunyai pilihan selain membuat pembayaran balik pinjaman pada masa yang ditetapkan. Peminjam juga perlu menanggung bayaran bagi ahli kumpulan yang tidak dapat membuat pembayaran. Menurut Azlinawati Mat Nor (2011), tempoh pembayaran yang ditetapkan oleh TEKUN iaitu sekali seminggu terlalu pendek dan peminjam tidak dapat menyediakan wang secukupnya. Situasi ini menyebabkan berlakunya masalah pembayaran balik dalam kalangan peminjam.

Ar-Rahnu memberikan pinjaman kepada sesiapa sahaja, untuk pelbagai kegunaan dan pelbagai jenis bidang keusahawanan, asalkan mereka mempunyai barang gadaian yang diperakui untuk dicagarkan. Tambahan pula Ar-Rahnu menitikberatkan aspek kerahsiaan iaitu pengguna tidak perlu mendedahkan sebab-sebab mereka mendapatkan pinjaman (Abdul Ghafar Ismail & Nor Zakiah Ahmad, 1997). Keadaan ini berbeza dengan skim-skim mikro kredit yang lain seperti SME Bank yang lebih memberi tumpuan pengagihan pinjaman kepada perusahaan yang sederhana besar dan perniagaan berdaya maju sahaja. Selain itu keutamaan juga diberikan kepada sektor yang mempunyai pertumbuhan yang tinggi, manakala keusahawanan secara kecil-kecilan tidak diberi perhatian oleh SME Bank (Mohd Nor Hidayad Hambali, 2011). Situasi ini menunjukkan usahawan kecil-kecilan dipinggirkan daripada institusi perbankan, sedangkan perniagaan kecil-kecilan memainkan peranan penting dalam mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi negara. Selain itu, Agrobank Malaysia pula hanya memberikan pinjaman kepada usahawan yang menjalankan aktiviti ekonomi yang melibatkan sektor pertanian dan asas tani sahaja (A.H. Roslan & Mohd Zaini Abd Karim, 2009).

Salah satu manfaat Ar-Rahnu juga apabila masyarakat dapat mempertahankan hartanya walaupun terlibat dalam aktiviti berhutang. Walaupun Ar-Rahnu menggunakan konsep hutang, namun harta yang dicagarkan kepada Ar-Rahnu dijamin tidak lesap dan terus kekal menjadi milik penggadaai. Keadaan tersebut berbeza dengan skim mikro kredit konvensional apabila individu yang tidak mampu membuat pembayaran balik pinjaman yang diterima terpaksa menjual hartanya demi memenuhi keperluan diri dan keluarga. Hal ini berlaku terutamanya apabila individu tidak mampu membayar kos tambahan atau faedah yang dikenakan oleh pihak bank dan ini boleh menyebabkan kehilangan harta (Yusuff Jelili Amuda & Siti Nurul Shuhada Deraman, 2015). Harta yang dicagarkan juga boleh dilelong oleh pihak bank bagi menjelaskan hutang peminjam. Secara umumnya, harta dalam konteks ini merujuk kepada benda atau barangan yang bernilai atau berharga yang kehilangannya akan menyebabkan kerugian kepada pemiliknya. Selain itu, salah satu konsep Ar-Rahnu yang diperuntukkan dalam syariah ialah untuk melindungi dan mengekalkan kekayaan dan harta benda manusia (Uzaimah Ibrahim, Safinar Salleh, & Ahmad Ibrahim, 2006). Ar-Rahnu menggunakan konsep berhutang, tetapi harta yang dicagarkan dijamin tidak hilang atau lesap dari menjadi hak milik penghutang. Justeru, menerusi Ar-Rahnu, harta yang digadaikan dapat dilindungi dan dikekalkan.

Menerusi perbincangan ini menunjukkan bahawa Ar-Rahnu memiliki beberapa manfaat yang berbeza dengan lain-lain pembiayaan. Manfaat Ar-Rahnu ini wajar diberi perhatian

usahawan, dalam usaha untuk mengekang penglibatan usahawan dalam pinjaman berisiko tinggi dan tidak patuh syariah seperti 'along' atau institusi kewangan konvensional.

## **KESIMPULAN**

Perbincangan ini mempamerkan bahawa terdapat beberapa isu dan cabaran yang dihadapi oleh usahawan kecil. Antaranya ialah kesukaran untuk mendapatkan pembiayaan modal akibat tidak mendapat kepercayaan dari institusi kewangan. Terdapat juga kelemahan perkhidmatan institusi kredit mikro terutamanya apabila usahawan kecil terpaksa melalui akta perbankan yang terlalu ketat. Selain itu, usahawan turut sukar memperoleh pembiayaan secara Islam apabila usahawan kecil terpaksa memilih institusi kewangan yang mengamalkan riba yang jelas bertentangan dengan konsep muamalat yang dituntut Islam. Rentetan dari cabaran yang dihadapi ini, antara alternatif dicadangkan kepada usahawan kecil adalah beralih kepada pembiayaan Ar-Rahnu yang memiliki manfaat tertentu.

Ar-Rahnu mempunyai manfaatnya terutama daripada aspek menyediakan kemudahan kepada usahawan untuk mendapatkan pembiayaan perniagaan. Manfaat utama Ar-Rahnu semestinya adalah akad Qard al-Hasan yang begitu menarik dengan menyediakan pembiayaan berkonsepkan tanggungjawab sosial kepada masyarakat dengan menolong golongan miskin yang memerlukan. Antara manfaat lain juga termasuklah prosedur yang mudah dan cepat, tiada kadar faedah, tempoh penembusan yang panjang, tidak memerlukan cagaran dan penjamin serta memberi keadilan kepada peminjam dan juga pemberi pinjam. Justeru, sewajarnya Ar-Rahnu menjadi antara alternatif atau pilihan lain yang bermanfaat kepada usahawan kecil untuk mendapatkan modal perniagaan tanpa perlu terikat dengan bebanan hutang dalam jangka masa panjang. Selain dapat mengeluarkan masyarakat Islam daripada berurusan dengan pajak gadai konvensional yang banyak melakukan penyelewengan dan menindas golongan yang berpendapatan rendah. Sewajarnya manfaat perkhidmatan Ar-Rahnu ini dapat menarik minat masyarakat untuk mendapatkan pembiayaan Ar-Rahnu.

## **RUJUKAN**

- A.H. Roslan, & Mohd Zaini Abd Karim. (2009). Determinants of Microcredit Repayment in Malaysia: The Case of Agrobank. *Humanity and Social Sciences Journal*, 4(1), 45-52.
- A.M. Sultana, Nurul Syafiqah Arifin, & Jamil Osman Juraini. (2015). Women Involvement in Small-Scale Business in Kota Bharu, Kelantan, Malaysia. Kertas kerja dibentangkan di 8th Asia-Pacific Business Research Conference, Hotel Istana, Kuala Lumpur pada 9 dan 10 Februari 2015.
- Abayomi Al-Ameen. (2016). Implementing Islamic Microfinance in Nigeria: A Matter of Equity and Social Justice. *Journal of Sustainable, Development, Law and Policy*, 7(2), 211-246.
- Abdul Ghafar Ismail, & Nor Zakiah Ahmad. (1997). Pawnshop as an Instrument of Microenterprise Credit in Malaysia. *International Journal of Social Economics*, 24(11), 1343-1352.

- Abubakar Sadiq Usman, & Rosmaini Tasmin. (2016). The Role of Islamic Micro-Finance in Enhancing Human Development in Muslim Countries. *Journal of Islamic Finance*, 5(1), 53-62.
- Adrian Sutedi. (2011). Hukum Gadai Syariah: Alfabeta, Bandung, Indonesia.
- Aliyu Dahiru Mohammed, & Zubair Hasan. (2008). Microfinance in Nigeria and the Prospects of Introducing its Islamic Version There in The Light of Selected Muslim Countries' Experience. Kertas kerja dibentangkan di Munich Personal RePEc Archive (MPRA) pada 17 April 2008.
- Al-Quran Darul Iman. (2007). *Al-Quran dan Terjemahannya*. Kuala Lumpur: Pustaka Darul Iman Sdn. Bhd.
- Anan C. Mohd. (2007). Penentuan Hukum Syara di dalam Pelaksanaan Skim Pajak Gadai Islam (Ar-Rahnu) di Malaysia. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Diakses daripada [http://www/efatwa.gov.my/sites/default/files/Penentuan\\_Hukum\\_Syarak\\_Di\\_Dalam\\_Pelaksanaan\\_Skim\\_Pajak\\_Gadai\\_Islam\\_Ar-Rahn\\_Di\\_Malaysia.pdf](http://www/efatwa.gov.my/sites/default/files/Penentuan_Hukum_Syarak_Di_Dalam_Pelaksanaan_Skim_Pajak_Gadai_Islam_Ar-Rahn_Di_Malaysia.pdf) pada 30 Januari 2013.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2008). Along. Diakses daripada <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=along> pada 8 Mei 2017.
- Elsadig Musa Ahmed, & Anwar Ammar. (2015). Islamic Microfinance in Sudanese Perspective. *Business and Financial Affairs (BFSA) an Open Access Journal*, 4(3), 1-5.
- Fathi Syakirin Hassan, Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahab. (2015). Penerimaan Masyarakat Terhadap Skim Gadaian Islam di Kota Bharu Kelantan. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Fiqh Semasa (SeFIS)
- Lim, B. L. (1999). Skim Jaminan Kredit: Satu Kajian Kes Kos Urusniaga Pinjaman di Negeri Pulau Pinang. Tesis Sarjana Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia.
- Ma'mur Daud. (2002). Terjemahan Hadis Shahih Muslim. Kuala Lumpur: Klang Book Centre.
- Md. Sohel Rana, Mohd Nazari Ismail & Izlin Ismail. (2016). Islamic Microfinance in Palestine: Challenges and Prospects. Diakses daripada [https://umexpert.um.edu.my/file/publication/00005571\\_131634.pdf](https://umexpert.um.edu.my/file/publication/00005571_131634.pdf) pada 27 April 2017.
- Mohamad Rashid Abu Bakar. (2008). Tahap Kesampaian Bantuan Kewangan dan Kredit Kerajaan (BKKK) terhadap Prestasi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Bumiputera di Kedah. Tesis Sarjana Sastera, Universiti Sains Malaysia.
- Mohamad Shukri Johari, Nur Azura Sanusi, & Mohamed Ishak Badarudin Rais. (2007). The Demand of Pawnbroking Services: Evidence form Malaysia. Kertas kerja dibentangkan di The International Conference on Business and Information Intercontinental, Tokyo Bay Hotel, Tokyo.
- Mohd Farhan Ahmad, & Mohd Adib Ismail (2011). Pendekatan Baru Pembiayaan Peribadi Sru Cadangan. Kertas kerja dibentangkan di Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VI (PERKEM VI), Melaka Bandaraya Bersejarah pada 5 Jun 2011.
- Mohd Nor Hidayad Hambali. (2011). Faktor Bantuan Kerajaan yang Meningkatkan Kejayaan Usahawan Industri Kecil dan Sederhana Bumiputera di Sabak Bernam Selangor. Latian Ilmiah Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup). Universiti Teknologi Malaysia.

- Nadiah Nabilah Baharum. (2014). Factors of Customer's Intention to Use Ar-Rahnu at Post Office: A Case Study in Kedah. Tesis Sarjana Perbankan dan Kewangan Islam, Universiti Utara Malaysia.
- Nik Hadiyan Nik Azman, Mohd Zaidi Md Zabri, Salina Kassim & Nurhafiza Abdul Kader Malim.(2020). Unleashing the Ar-Rahnu as a Micro-Financing Instrument for Micro Entrepreneurs in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences*,10(6), 183-196.
- Nik Hadiyan Nik Azman. (2010). Acceptance of Ar-Rahnu in Kelantan. Evidence from Pasar Besar Khadijah. Kertas kerja dibentangkan di The 5th ISDEV International Graduate Workshop (INGRAW 2010), University Conference Hall, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Nor Fadilah Bahari, Zurina Safii, Nurul Wajhi Ahmad, Shafina Fisal & Wan Shahdila Shah Shahr. (2015). A Reviews on the Regulation and Conflicting Issues of Ar-Rahnu Operation in Malaysia. Kertas kerja dibentangkan di The 2nd International Conference on Management and Muamalah pada 16 dan 17 November 2015.
- Norashikin Ibrahim. (2010). Pemantapan ekonomi Masyarakat Melalui Skim Al-Rahnu. Kertas Projek Sarjana Sains (Pengurusan). Universiti Utara Malaysia.
- Norhaziah Nawai, & Mohd Noor Mohd Shariff. (2011). The Importance of Micro Financing to the Microenterprises Development in Malaysia's Experience. *Asean Social Science*, 7(12).
- Nur Hayati Rasmin, & Ruzian Markom. (2014). An Overview on Implementation of Ar-Rahnu in Malaysia. Kertas kerja dibentangkan di Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-9 (PERKEM ke-9), Kuala Terengganu, Terengganu pada 17-19 Oktober 2014.
- Payal Bhatt, & Jothee Sinnakkannu. (2008). Ar-Rahnu (Islamic Pawn Broking) Opportunities and Challenges in Malaysia. Kertas kerja dibentangkan di 6th International Islamic Finance Conference 2008.
- Rahimah Shawkataly. (1993). Islamic Pawnshops: Case Study of Ar-Rahn in Kelantan. Tesis Sarjana Ekonomi. Universiti Teknologi MARA.
- Salimah Yahaya. (2017). Faktor-faktor yang Mempengaruhi Penerimaan Usahawan Kecil Muslim di Kelantan Terhadap Ar-Rahnu. Tesis Ijazah Doktor Falsafah Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam, Universiti Sains Malaysia.
- Siti Aishah Mohamad, Ilyani Azer, & Mohd Faizal Azrul Azwan Che Harun @ Mohamad. (2013). Small Business Owner's Response Towards Patronage of Islamic Pawn Broking Service in Pahang. *Islamic Perspective on Management Contemporary Issues* (pp 323-333): YaPEIM Management Academy and Academy of Islamic Studies, MU.
- Siti Fatimah Muhammad. (2006). Pengurusan Skim Ar-Rahnu: Koperasi Anggota-anggota Kerajaan Batu Pahat Bhd. Latihan Ilmiah Sarjana Muda Ekonomi. Universiti Utara Malaysia.
- Syarifah Md Yusod. (2004). Persepsi Pelanggan Islam terhadap Perkhidmatan Pajak Gadai Islam di Ar-Rahnu, Koperasi Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Berhad. Laporan Penyelidikan, Universiti Utara Malaysia.
- Uzaimah Ibrahim, Safinar Salleh, & Ahmad Ibrahim. (2006). The Objectives of al-Rahn and Their Achievement in Charge/ Mortgage in Islamic Home Financing: An Analysis. Kertas kerja dibentangkan di International Conference on Islamic Jurisprudence and the

Challenges of the 21st Century: Maqasid al-Shariah and its Realization Contemporary Society.

- Wan Ab. Rahman Khudzri Wan Abdullah. (1999). Historical Development of Pawning Practise in Malaysia: from Pajak Gadai to Al-Rahn. *Jurnal Pembangunan Sosial*.
- Wan Noraini W. Daud. (2011). Kepuasan Pelanggan dan Kualiti Perkhidmatan Skim Ar-Rahnu Bank Rakyat. Kertas Projek Sarjana Sains (Pengurusan), Universiti Utara Malaysia.
- Wan Zulfakkar Wan Yusof. (1998). Keberkesanan Program Pembasmian Kemiskinan Anjuran Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) di dalam Meningkatkan Pendapatan dan Taraf Sosioekonomi Penduduk Termiskin di Daerah Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman. Kertas Projek Sarjana Muda Sains (Ekonomi Sumber), Universiti Putra Malaysia.
- Yusuff Jelili Amuda, & Siti Nurul Shuhada Derama. (2015). Awareness of Al-Rahn as Financial Instrument to empower Nigeria's Less Privileged Muslim. *International Journal of Information Research and Review*, 2(7), 883-888.
- Zaharuddin Abd Rahman. (2008). Wang, Anda dan Islam: Halal dan Haram dalam Kewangan dan Perbankan. Seri Kembangan, Selangor, Malaysia: True Wealth Sdn Bhd.